



**5. PENGANALISA SISTEM
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sains Komputer / Sistem Maklumat / Kejuruteraan Elektronik atau bidang berkaitan dengan hal ehwal komputer.
- b) Mempunyai pengalaman dan kebolehan berikut adalah keutamaan:
 - i) Mempunyai kebolehan yang baik dalam komunikasi lisan dan tulisan.
 - ii) Mempunyai pengalaman praktikal dalam pengurusan pelbagai
 - Projek dan Perkhidmatan Teknologi Maklumat;
 - Platform Teknologi Maklumat terkini;
 - *Proses re-engineering* dan sistem kualiti melibat Teknologi Maklumat.
 - iii) Mempunyai pengetahuan dalam pelbagai dasar dan peraturan Kerajaan dalam bidang pejabat, kakitangan, kewangan dan Teknologi Maklumat.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGANALISA SISTEM:

1. Mengurus pelaksanaan projek-projek dan perkhidmatan ICT dengan teratur termasuk pelaksanaan rancangan-rancangan dan pengendalian sumber-sumber projek dan perkhidmatan berkenaan.
2. Mengkaji, mereka-bentuk dan membuat sokongan pembaikan yang inovatif kepada sistem-sistem, proses-proses dan struktur yang sedia ada yang boleh membantu Kementerian / Jabatan mencapai misi, matlamat-matlamat dan objektif-objektifnya antaranya melalui *Business Process Re-engineering* (BPR).
3. Bertanggungjawab dalam mengurus sistem-sistem maklumat dan keperluan peralatan-peralatan ICT.
4. Mentadbir dan memastikan keselamatan, tahap konsistensi dan integriti sistem aplikasi dan data.
5. Menganalisa masalah dan keperluan projek dan perkhidmatan berkenaan dan mengendalikan tindakan-tindakan yang perlu diambil mengenainya mengikut bidang kuasa diberikan dan membuat laporan / sokongan kepada Ketua bila diperlukan.
6. Membantu menyediakan piawaian, dasar dan prosedur untuk memastikan pengoperasian mengikut amalan terbaik (*best practices*).
7. Mengurus dan merancang tugas-tugas pegawai dan kakitangan ICT di bawah tanggungjawab.